



**PEMAKLUMAN PENANGGUHAN
UJIAN *IT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION* (ISAC)
BAGI PUSAT PEPERIKSAAN DI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, PUTRAJAYA
PADA 25, 26 DAN 27 OKTOBER 2021**

**Sektor Penilaian Kompetensi
Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 4, Blok C3, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62510 WP.Putrajaya
MALAYSIA**

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN UJIAN *IT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION* (ISAC) BAGI PUSAT PEPERIKSAAN DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM PADA 25, 26 DAN 27 OKTOBER 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah bersetuju untuk menangguhkan Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) yang telah dijadualkan pada bulan Oktober tahun 2021. Penangguhan ini adalah berdasarkan kepada keadaan semasa Pandemik Covid-19, senarai peperiksaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD	TARIKH PEPERIKSAAN	STATUS TERKINI	CATATAN
i	UJIAN <i>IT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION</i> (ISAC)				
	ISAC - SIRI 13 (PUSAT PEPERIKSAAN JPA, PUTRAJAYA)	-	25.10.2021 (ISNIN)	DITANGGUHKAN	PEPERIKSAAN DITANGGUHKAN KE SUATU TARIKH YANG AKAN DIMAKLUMKAN SEMULA KELAK
	ISAC - SIRI 14 (PUSAT PEPERIKSAAN JPA, PUTRAJAYA)	-	26.10.2021 (SELASA)		
	ISAC - SIRI 15 (PUSAT PEPERIKSAAN JPA, PUTRAJAYA)	-	27.10.2021 (RABU)		

3. **Sebarang perubahan tarikh peperiksaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada saranan oleh pihak Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19.** Rujuk Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang telah dimuatnaik di laman sesawang <http://www.kompetensi.jpa.gov.my> dan <http://isac.intan.my/isac/> untuk maklumat bagi peperiksaan-peperiksaan yang lain.
4. Kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**Urus Setia Peperiksaan Perkhidmatan Awam
Sektor Penilaian Kompetensi
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia**

22 Oktober 2021